

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB DR. LEE BOON CHYE**
[GOPENG]

TARIKH : **25 MEI 2016 (RABU)**

SOALAN : ¹²³~~123~~

YB Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana prestasi projek perumahan PR1MA.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 246,410 unit yang terdiri daripada pelbagai projek di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang sentiasa bersidang dari semasa ke semasa.

Pada masa ini sebanyak 94,299 unit rumah PR1MA yang terdiri daripada 83 buah projek di pelbagai lokasi seluruh negara telah memulakan kerja-kerja fizikal. Antara lokasi projek yang telah memulakan pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Perlis, Selangor, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, sebanyak 883 unit rumah PR1MA telah berjaya disiapkan iaitu PR1MA @ Putrajaya di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan PR1MA @ Kuala Ketil di Kedah. Manakala projek-projek lain sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan dan akan memulakan pembinaannya seperti mana yang telah dijadualkan.

Sekian. Terima Kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 25 MEI 2016
[RABU]**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH
[SETIU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN CHE MOHAMAD ZULKIFLY BIN JUSOH [SETIU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah memperkasakan program kitar semula agar mendapat sambutan di kalangan masyarakat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah melaksanakan pelbagai program bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap amalan kitar semula. Antara program yang telah dan sedang dijalankan adalah seperti berikut:-

(i) Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca;

Pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal Di Punca bermula pada 1 September 2015 telah menunjukkan pencapaian yang menggalakkan yang mana sehingga April 2016 sebanyak **1,038,906.80 kilogram** sisa kitar semula telah dikumpul. Menerusi amalan ini ia akan menyumbang kepada perkara berikut:-

- (a) Mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula;

- (b) Mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan;
- (c) Memanjangkan tempoh hayat tapak pelupusan;
- (d) Mengurangkan peruntukkan wang negara untuk proses pelupusan sisa pepejal; dan
- (e) Menyumbang kepada pencapaian kadar kitar semula daripada 10.5% pada tahun 2012 kepada 17.49% pada tahun 2015 seiring dengan sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22% menjelang tahun 2020.

(ii) Kelab Kitar Semula (Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah);

Kelab Kitar Semula merupakan salah satu inisiatif Kerajaan dalam mempromosikan aktiviti 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) melalui platform kokurikulum di sekolah. Sehingga Mac 2016, sebanyak **2,761 buah** sekolah telah menubuhkan Kelab Kitar Semula dengan melibatkan **41,415 orang pelajar**.

(iii) Kerjasama Strategik Pelbagai Pihak;

Pihak Kementerian telah mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi termasuk agensi kerajaan, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pasukan sukarelawan bagi memperkasakan amalan kitar semula dan penjagaan kebersihan persekitaran. Bagi suku pertama tahun 2016 sahaja, Kementerian telah menjalankan sebanyak 90 program yang melibatkan pelbagai pihak dengan penglibatan seramai 7,650 orang.

(iv) 3R @ Komuniti; dan

Kementerian juga melaksanakan program kitar semula bertumpu di kawasan komuniti iaitu program 3R @ Komuniti. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan amalan melaksanakan kitar semula di kawasan perumahan. Penglibatan komuniti juga dilihat sebagai salah satu indikator bagi menunjukkan keberkesanan kempen dan program yang telah dijalankan. Bagi **suku pertama tahun 2016**, sebanyak **103 buah taman dan kawasan perumahan**

telah terlibat dengan program ini dengan anggaran seramai **3,680 orang penduduk** yang menyertainya.

(v) Promosi dan Pendidikan Berterusan.

Penganjuran pelbagai pameran dan ceramah berkaitan kitar semula juga telah diadakan dalam menanam budaya menjaga kebersihan persekitaran serta amalan kitar semula sekaligus dapat memperkasakan Program Kitar Semula. Bagi **suku pertama tahun 2016**, sebanyak **193 sesi ceramah** dan **103 pameran** telah dilaksanakan di seluruh Malaysia.

Secara kesimpulannya, kesedaran orang awam terhadap amalan kitar semula telah menunjukkan *trend* yang positif. Hal ini diperkukuhkan lagi dengan peningkatan kadar kitar semula dari 10.5% pada tahun 2012 kepada 17.49% pada tahun 2015 seiring dengan sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22% menjelang tahun 2020.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mei 2016